

Mahathir jelas sebab2 tidak buat perubahan radikal

UM 3 JUN 1983

KUALA LUMPUR 2 Jun - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini rombakan kabinetnya semata-mata bertujuan mengisi kekosongan dan ia tidak bersifat radikal kerana kabinet yang ada baru berusia setahun lebih sejak pilihanraya umum 1982.

Perdana Menteri menarik perhatian: "Kami tidak mempunyai masa yang banyak kerana hanya diberi mandat lima tahun. Kami harus meneruskan kerja dan menunaikan tanggungjawab dengan tidak diganggu oleh pertukaran jawatan menteri yang tidak bersebab."

Bercakap dalam sidang akhbar di Bangu-

nan Parlimen yang dihadiri oleh lebih 30 orang wartawan tempatan dan asing, tengah hari ini, beliau berkata: Kabinet baru berdasarkan empat perkara iaitu kedudukan parti-parti komponen Barisan Nasional, secara tidak langsung perwakilan kaum serta kawasan dan kebolehan individu.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Hashim Aman dan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Megat Junid Megat Ayub.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, orang ra-

mai dan pihak akhbar telah meramalkan bahawa beliau akan membuat rombakan yang menyeluruh serta mengugurkan beberapa orang menteri.

"Saya ingin memaklumkan bahawa rombakan yang saya buat ini bukanlah sengaja dibuat tetapi berdasarkan beberapa perletakan jawatan menteri," katanya.

Bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon telah meletakkan jawatan Menteri Pengangkutan, Datuk Mokhtar Hashim yang terlibat

dengan tuduhan jenayah meletakkan jawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, manakala bekas Presiden Berjasa, Datuk Haji Mohamad Nasir berhenti

mereka yang dilantik pula diharap akan menjalankan tugas dengan baik.

Ditanya sama ada perletakan jawatan beberapa orang menteri baru-baru ini membayangkan keretakan dalam Barisan Nasional, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau tidak merasa ada wujudnya sebarang perasaan tidak yakin mana-mana pihak terhadapnya.

Beliau menjelaskan bahawa perletakan jawatan beberapa orang menteri atau timbalan menteri mungkin adalah disebabkan pucuk pimpinan parti mereka perkehendakkan perubahan perwakilan dalam kerajaan.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata oleh kerana Presiden MCA Datuk Lee San Choon meletakkan jawatan menteriyalah rombakan kabinet terpaksa dibuat sekarang.

Mengenai penilaiannya terhadap kabinetnya yang berusia lebih setahun itu, Perdana Menteri menegaskan bahawa adalah terlalu awal untuk menilai prestasi anggota-anggota kabinetnya itu.

"Dalam setahun yang lalu anggota-anggota kabinet terpaksa mendalami dan memahami tugas dan tanggungjawab mereka masing-masing. Oleh itu adalah ter-

lalu awal bagi saya menilai kemampuan mereka sekarang.

"Saya berpendapat lebih baik membenarkan mereka bertugas dalam jangka masa yang lebih panjang, sebelum

tankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Encik Oo Gin Sung (ahli Parlimen Alor Setar) yang dilantik menjadi Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Perdana Menteri berkata Encik Oo terpaksa meletakkan jawatan pengerusi itu.

Ini adalah kerana tidak ada kakitangan kerajaan yang boleh memegang jawatan dalam jawatankuasa tersebut yang bertugas mengkaji perbelanjaan negara.

Mengenai tugas-tugas menteri baru di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. James Ongkili (Timbalan Ketua Menteri Sabah), beliau berkata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Hashim Aman sedang menyusun tugas-tugas itu di jabatan berkenaan yang mempunyai agensi serta jabatan yang paling banyak.

Di akhir sidang akhbar itu, Perdana Menteri yang ditanya tentang perlantikan duta baru ke Washington tidak menafikan perkara itu.

Katanya, ramai menteri atau timbalan menteri yang pernah dilantik menjadi duta dan ini adalah amalan biasa.

Bekas Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon telah disebut-sebut akan dilantik menjadi Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat.

dari menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datuk Pengiran Othman Rauf berhenti dari menjadi Menteri Wilayah Persekutuan.

Perdana Menteri menjelaskan beliau hanya membuat rombakan yang kecil kerana usia kabinetnya baru setahun lebih sejak pilihan raya umum April 1982.

"Saya berpendapat bahawa menteri-menteri kabinet yang ada sekarang sedang mengenal secara mendalam akan tugas dan tanggungjawab mereka. Kalau mereka diganti dengan orang baru, akibatnya kita perlu satu jangka masa yang panjang sebelum orang baru ini mendalami tugas mereka."

Secara berseloroh pula, beliau menyatakan bahawa pihak akhbar telah mengharapkan beberapa menteri digugurkan dari jawatan mereka atau "dilontar keluar dari tingkap".

"Perkara seperti itu tidak berlaku di sini, untuk melihat perkara itu kamu harus pergi ke Amerika Syarikat. Di sana pemimpin ditukar empat tahun sekali. Setahun untuk perancangan, dua tahun untuk berkempen dan hanya setahun sahaja digunakan untuk menjalankan tugas," katanya disambut oleh ketawa semua hadirin.

Perdana Menteri berharap perubahan dalam kabinetnya itu akan diterima baik oleh semua pihak dan

membuat penilaian terhadap mereka," tambahnya.

Ditanya mengenai rancangan pengguguran menteri dari kabinetnya, beliau menegaskan bahawa beliau tidak akan menggantikan mereka.

Tetapi, tambahnya, beliau mahu menukar sikap mereka, perkara yang perlu mereka ubah.

Tentang perubahan menteri di Jabatan Perdana Menteri, Perdana Menteri berkata beliau ingin melihat mereka yang bertugas di JPM mengambilalih Kementerian lain tanpa seliaan terus menerus daripadanya.

Beliau ingin melihat sejauh mana tokoh-tokoh yang pernah bertugas di bawah jajaannya itu belajar untuk mengambil alih tugas lain tanpa seliaan terus daripada beliau.

Mengenai orang lama dalam kabinet lagi, beliau menegaskan tokoh-tokoh itu masih dapat memberikan perkhidmatan dan mereka masih mempunyai kepercayaan.

Ditanya mengenai kedudukan Pengerusi Jawa-

3 JUN 1983